

Wasiat Dan *Wisayah*: Analisis Perbandingan Dalam Perancangan Harta Pusaka Muslim

Will And Wisayah: An Analytical Study In Muslim Estate Planning

Muhamad Mu'izz Abdullah^{a*}, Abdul Bari Awang^a, Nasrul Hisyam Nor Muhammad^b

^a*Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu Islam dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

^b*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

*Corresponding author: muizz.abdullah@live.iium.edu.my

Article history

Received: 2020-05-10 Received in revised form: 2020-10-06 Accepted: 2020-10-07 Published online: 2021-02-28

Abstract

Will and Islamic entrustment (*wisayah*) are part of the instruments of estate planning in Islam. The implementation of will has been widely discussed among scholars and applied in the Malaysian estate planning industry. In contrast, the trust instrument is not given enough attention and is not discussed in detail as the will. Whereas, trust has its mechanism and had been debated in earlier classical fiqh books. Therefore, this article will discuss the similarities and differences between will and Islamic entrustment related to the implementation of estate planning in Malaysia. The author uses a qualitative approach by analyzing the content of fiqh books, journal articles, proceedings, civil law statutes and the Islamic Family Law Enactment (IFLA). This study will focus on the implementation of will and Islamic entrustment in Amanah Raya Berhad (ARB) to better understand both of the concepts. The finding shows that will and Islamic entrustment have some similarities and differences. Both of these instruments have their significance in resolving issues that arise in estate planning.

Keywords: Will, Islamic Entrustment, Trustee, Islamic Estate Planning

Abstrak

Wasiat dan *wisayah* adalah sebagai instrumen perancangan harta pusaka dalam Islam. Pelaksanaan wasiat banyak dibincangkan dalam kalangan para sarjana dan diaplikasikan dalam industri perancangan harta pusaka di Malaysia. Berbeza pula dengan instrumen *wisayah*, perkara ini tidak diberi perhatian sewajarnya dan masih kurang dibincangkan secara terperinci seperti mana wasiat. Sedangkan *wisayah* mempunyai mekanisme tersendiri dan turut dibahaskan dalam kitab-kitab fiqh klasik terdahulu. Justeru, artikel ini akan membincangkan persamaan dan perbezaan wasiat dan *wisayah* yang berkait rapat dengan pelaksanaan perancangan harta pusaka di Malaysia. Penulis menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis kandungan dari kitab-kitab fiqh, artikel jurnal, prosiding, statut undang-undang sivil dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Melalui kajian terdahulu yang telah dijalankan, kajian ini akan memberi fokus kepada pelaksanaan wasiat dan *wisayah* di Amanah Raya Berhad (ARB) untuk memahami konsep kedua-dua instrumen ini dengan lebih jelas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wasiat dan *wisayah* mempunyai beberapa persamaan seperti melibatkan pelantikan *wasi*, tujuan pencyariatan, pembatalan dan penamatan akad, dan hubungkait kedua-duanya dengan undang-undang sivil. Manakala dari sudut perbezaan adalah pada rukun dan syarat, penjagaan terhadap kanak-kanak bawah umur, pemberian harta amanah dengan kadar 1/3, keizinan wasiat kepada ahli waris, Akta dan Enakmen, dan fleksibel dalam perancangan harta bercagar. Kedua-dua instrumen ini mempunyai signifikan tersendiri dalam menyelesaikan isu-isu yang berlaku dalam perancangan harta pusaka.

Keywords: Wasiat, Wisayah, Wasi, Perancangan Harta Pusaka,

1.0 PENDAHULUAN

Keunikan Islam terserlah melalui pelbagai instrumen perancangan harta yang sistematik beserta garis panduan yang lengkap. Semua hukum-hakam dan kaedah pewarisan harta tercatat di dalam kita-kitab fiqh klasik yang dikarang oleh sarjana terdahulu. Konsep pelaksanaannya telah berkembang dari semasa ke semasa untuk memenuhi *maslahah* kehidupan manusia. Di antara instrumen-instrumen perancangan harta di dalam Islam adalah wasiat dan *wisayah*. Kedua-dua instrumen ini mempunyai peranan tersendiri dalam membantu masyarakat merancang aset yang dimiliki agar dapat dimanfaatkan oleh waris tercinta selepas kematian diri pewasiat. Masyarakat perlu diberikan maklumat dan kesedaran berterusan akan kepentingan perancangan harta pusaka di peringkat awal memandangkan pentadbiran harta pusaka tidak semudah yang disangka.

Tidak dinafikan, perbincangan mengenai perancangan harta pusaka berterusan sehingga kini dan ianya meliputi pelbagai aspek. Ada di antaranya berkenaan konsep perancangan harta pusaka sewaktu hidup (Bouteraa, 2019; Hasbulah & Daud, 2015; Kamarudin et.al., 2019), terdapat juga perbincangan tentang proses pengurusan dan pembahagian selepas kematian di institusi rasmi berautoriti di Malaysia (Amrullah & Wan Noraini, 2018; Akmal Hidayah et.al., 2019). Selain isu kelewatan pentadbiran harta pusaka, aspek sosial juga tidak boleh dipandang remeh oleh masyarakat (Zulkafli & AhMA, 2016; Rahman et.al., 2016). Selain itu, kajian sikap dan tingkah laku pewasiat atau pentadbir juga diberi perhatian (Norazlina et al., 2019). Malah terdapat dikalangan sarjana seperti Nasr (2015), Talib (2016) dan Luqman Hj Abdullah et. al., (2016) yang membahaskan perancangan harta pusaka dari perspektif Maqasid Syariah (*hifz al-mal*); iaitu bermula daripada pengumpulan harta, pengurusan sehinggalah kepada pembahagian. Beberapa faktor yang dinyatakan ini menjadi hujah bahawa perancangan harta pusaka pada masa kini adalah menjadi satu kewajipan bagi setiap individu muslim. Ini kerana kelalaian merancang diperingkat awal akan mengundang pelbagai risiko sama ada semasa hidup atau selepas kematian.

Melihat kepada sumbangan para sarjana terdahulu dalam konteks perbahasan perancangan harta pusaka, topik mengenai wasiat dan *wisayah* dilihat masih relevan. Hal ini kerana kedua-dua instrumen ini memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul. Isu kelewatan dalam pentadbiran harta pusaka menjadi isu utama harta tidak dituntut dan jumlahnya meningkat saban tahun. Menurut Nik Rahim et al., (2018), jumlah harta tidak dituntut kebanyakannya adalah merangkumi hartanah yang mana sehingga kini berjumlah 60 billion ringgit. Lebih mengejutkan jumlah tersebut telah meningkat kepada RM70 billion pada tahun 2020 (MyMetro, 2020). Rentetan itu, Amanah Raya Berhad (ARB) telah mewujudkan satu jabatan khas iaitu Jabatan Pengurusan Dana Tertanggung (JPDT) untuk menguruskan aset-aset yang melibatkan harta alih dan harta tidak alih yang tidak dituntut oleh benefisiari di ARB. Merujuk kepada laporan yang dikeluarkan media tempatan, Pengarah Urusan ARB, Adenan Md Yusof berkata sebanyak sejumlah RM315 juta harta di ARB tidak dituntut kebanyakannya adalah melibatkan harta tidak alih. Pelbagai tindakan telah diambil untuk mengatasi masalah ini termasuk mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan membuka talian bebas tol untuk membuat semakan dan tuntutan (Amanah Raya Berhad, 2020).

Menyedari isu perancangan harta pusaka terutamanya melalui instrumen wasiat telah diberi penekanan oleh sarjana terdahulu, namun isu-isu pentadbiran harta pusaka selepas kematian pewasiat masih diperdebatkan. Justeru, kajian ini berpandangan instrumen *wisayah* wajar diberi perhatian sebagai alternatif kepada masyarakat dalam membuat perancangan harta pusaka. Bagi mencapai objektif ini, kajian ini akan menjelaskan mekanisme pelaksanaan kedua-dua instrumen

tersebut di samping membincangkan apakah persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua instrumen ini.

2.0 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Undang-undang harta pusaka dan wasiat telah lama bertapak di Tanah Melayu semenjak kedatangan Islam melalui para pendakwah dari Tanah Arab. Pelaksanaannya semakin berkembang dari semasa ke semasa dan masyarakat mula memahami hukum-hakamnya walaupun hukum adat seperti Adat Orang Asal, Adat Perpatih dan Adat Temenggong menjadi adat yang dominan pada ketika itu. Selepas kedatangan penjajah British, terdapat usaha oleh penjajah untuk memperkenalkan Undang-Undang Inggeris dan mengetepikan Undang-Undang Islam (Asjad Mohamed & Jasni Sulong, 2016). Namun usaha ini tidak berjaya sepenuhnya kerana faktor kesedaran umat Islam dalam mempertahankan hukum hakam syariah. Kesannya dapat dilihat pada Perlembagaan Persekutuan yang menyebutkan secara jelas Islam adalah agama rasmi persekutuan (Ayu Nor Azilah et.al., 2019). Sehubungan dengan itu, pelaksanaan wasiat jelas dinyatakan pada Jadual Kesembilan, Senarai Perundangan, Senarai II, Senarai Negeri, Perenggan 1:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, **berwasiat dan tidak berwasiat....**”

Usaha memperkasakan pelaksanaan hukum hakam wasiat ini diperkukuhkan lagi dengan kewujudan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (No. 4/1999) dan Kaedah-kaedah Pengurusan Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 2008 (No. 13/2008). Negeri Selangor adalah negeri pertama di Malaysia yang meluluskan dan melaksanakan undang-undang wasiat ini dan diikuti oleh negeri-negeri yang lain (Nasrul Hisyam, 2017). Perkembangan ini adalah suatu yang positif, namun kefahaman masyarakat muslim dalam pelaksanaan wasiat ini masih rendah. Stigma masyarakat terhadap wasiat masih menebal dengan beranggapan “kenapa perlu buat wasiat, sedangkan wasiat boleh dicabar”, “tidak perlulah buat wasiat, hukum faraid kan ada”, malah masih ada tanggapan bahawa “nanti la buat wasiat, harta bukannya banyak pun”. Salah faham sebegini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Norazlina et al., (2019). Dapatan kajian tersebut mendedahkan bahawa tahap ilmu pengetahuan masyarakat terhadap wasiat masih ditahap sederhana walaupun wasiat telah lama dipraktikkan di Malaysia oleh pelbagai institusi. Walaupun Siti Noor Farahin & Muhammad Adib Samsudin (2017) menyatakan bahawa terdapatnya peningkatan jumlah pendaftaran pewasiat sebanyak 6.97% di ARB Shah Alam di antara tahun 2015 hingga 2016, namun perlu diberi perhatian bahawa pentadbiran wasiat adalah berlaku hanyalah selepas kematian pewasiat. Justeru, kita melihat kes-kes yang berlaku melibatkan salah faham dalam kalangan waris dan pertikaian ke atas wasiat yang telah dilaksanakan oleh pewasiat sewaktu hidup (Muhammad Nabeel Alia et al., 2016).

Tahap pengetahuan yang sederhana ini bukan sahaja berlaku terhadap wasiat, malah turut berlaku terhadap instrumen *wisayah* yang merupakan salah satu akad pengamanahan dalam Islam. Masyarakat masih kurang memahami mekanisme pelaksanaannya secara menyeluruh dalam perancangan harta pusaka. Malah kajian secara terperinci terhadap *wisayah* masih kurang dibincangkan bagi menjelaskan mekanismenya dalam perancangan harta pusaka. Ini terbukti melalui kajian yang dilaksanakan oleh Muhammad Mui'zz et al., (2020) bahawa semenjak tahun 2014 sehingga 2019, hanya 2 kajian dilaksanakan berkenaan *wisayah* berbanding instrumen perancangan harta pusaka yang lain. Manakala, sepanjang tempoh enam tahun tersebut, kajian terhadap pengurusan harta pusaka direkodkan adalah sebanyak 40 kajian, hibah dan wasiat

masing-masing dengan 25 kajian dan faraid 15 kajian. Dapatan kajian ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pemilihan masyarakat sedikit sebanyak tidak tertumpu kepada instrumen *wisayah ini*.

Menurut Nasrul Hisham (2012), konsep *wisayah* yang diamalkan kini oleh institusi perancangan harta pusaka di Malaysia adalah merujuk kepada konsep amanah menurut Undang-Undang Sivill. Ini termasuklah usaha yang dijalankan oleh institusi-institusi pengamanahan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 dan juga Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berdasarkan bidang kuasanya yang tersendiri. Walaupun terdapat beberapa perbezaan di antara *wisayah* dan amanah, kedua-duanya memainkan peranan yang penting dalam melindungi hak dan kepentingan benefisiari (Muhamad Mu'izz et.al., 2020). Kewujudan kontrak *wisayah* atau amanah ini adalah satu tanggungjawab yang digalas oleh seorang pemegang amanah (*wasi*) bagi manfaat benefisiari melalui harta yang diamanahkan (Noor Lizza et al., 2019). Menyedari hakikat ini, instrumen *wisayah* wajar diperkenalkan kepada masyarakat sebagai salah satu solusi kepada masalah pengurusan harta pusaka yang berbangkit. Mekanisme pelaksanaannya perlu diperjelaskan lagi agar difahami dengan lebih mendalam dan menjadi pelengkap kepada instrumen wasiat yang telah lama dipraktikkan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian digunakan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya kerana kajian kualitatif tidak berdasarkan kepada uji kaji data numerik (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan, 2019). Reka bentuk kajian adalah analisis kandungan dengan pengumpulan data melalui penyelidikan kepustakaan terhadap data premier yang diperoleh daripada kitab-kitab fiqh klasik seperti *Raudbah At-Thalibin*, *Mugni Al-Mubtaj* dan yang lainnya. Disamping itu, kajian ini juga merujuk kepada penulisan kitab-kitab fiqh terkini seperti *Al-Mu'tamad Fi Al-Fiqh Asy-Syafie*. Rujukan utama juga adalah termasuk sumber-sumber skunder daripada artikel jurnal, prosiding, buku, akta, enakmen dan laman sesawang bagi mendapat maklumat menyeluruh bagi topik yang ingin dikaji. Kajian ini menumpukan kepada pelaksanaan wasiat dan *wisayah* di Amanah Raya Berhad (ARB) bagi memahami aplikasinya secara praktikal melalui kajian terdahulu yang telah dilaksanakan. Melalui metode penganalisan kandungan, hasil dapatan yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan komparatif untuk melihat persamaan dan perbezaan di antara instrumen wasiat dan *wisayah*. Pendekatan ini digunakan bagi menjelaskan mekanisme pelaksanaan kedua-dua instrumen tersebut dalam membantu masyarakat membuat perancangan harta pusaka mereka.

4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa persamaan dan perbezaan ketara di antara wasiat dan *wisayah*. Justeru, persamaan dan perbezaan ini akan dianalisis bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat sewaktu membuat perancangan harta pusaka.

4.1 Persamaan Antara Wasiat Dan Wisayah

Kajian ini membahagikan kepada 5 persamaan utama antara wasiat dan *wisayah*. Pertama adalah definisi dan konsep, kedua pensyariatan dan hukum-hakam, ketiga dokumentasi bertulis, keempat pelantikan wasi, dan kelima bidang kuasa wasi

4.1.1 Definisi Dan Konsep

Dari sudut etimologi, perkataan wasiat adalah berasal daripada perkataan arab وصى yang bererti membuat janji (Al-Fayumi, t.t). Perkataan الوصية pula merujuk kepada sesuatu yang

diwasiatkan atau pesanan. Manakala dari segi istilah, wasiat merujuk kepada sesuatu pemberian secara akad *tabarru'* kepada penerima wasiat (*musa labu*) yang merangkumi benda, hutang atau manfaat selepas kematian pewasiat (*musi*). Zakiyuddin dan Ahmad al-Ghundur (1984) menjelaskan bahawa wasiat meliputi segala subjek yang diwasiatkan selepas kematian pewasiat termasuk pelantikan seorang wasi dalam perkara melibatkan *wilayah* ke atas diri dan harta bagi anak-anaknya (dikenali sebagai wisayah atau إيصاء), wasiat kepada rumah ibadat, cara pelaksanaan pembahagian harta pusaka dan sebagainya. Menurut Sayyid Sabiq (1977) definisi inilah yang membezakan di antara wasiat dan hibah. Definisi ini dijelaskan lagi dalam beberapa enakmen wasiat di Malaysia di antaranya seperti Seksyen 2, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (No. 4/1999) dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No.5, tahun 2004):

“iqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati”.

Manakala *wisayah* atau إيصاء bermaksud melaksanakan peramanahan. Kata terbitan bagi *wisayah* adalah daripada perkataan أوصى. Menurut Al-Fayumi (t.t) pelaksanaan *wisayah* adalah berkaitan dengan pelantikan wasi untuk menguruskan hajat pewasiat. An-Nawawi (1991) menyimpulkan bahawa *wisayah* adalah berkaitan menunaikan hak yang wajib di bawah tanggungan pewasiat, melunaskan hutang piutang, melaksanakan wasiat dan menguruskan hal ehwal anak-anak di bawah umur. Namun sekiranya dilihat pada takrifan yang diberikan oleh Ibn al-Hamam (t.t), *wisayah* adalah permintaan daripada pewasiat ke atas orang lain (*wasi*) untuk melaksanakan hajatnya (pewasiat) selepas kematian atau ketiadaan (pewasiat). Definisi *wisayah* tidak dijelaskan secara terperinci dalam akta dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri, kerana pelaksanaannya terletak secara umum di bawah bahagian nafkah dan *hadhanah*. Namun demikian, definisi yang diberikan Seksyen 102, Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 “Jagaan Ke Atas Orang dan Harta” dilihat bertepatan dengan *wisayah* walaupun konsep penjagaan tersebut diperluaskan:

“Jika bapa dan datuk lelaki seseorang kanak-kanak telah mati tanpa melantik seorang penjaga melalui wasiat, mana-mana penghulu, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan, mana-mana orang yang menjaga kanak-kanak itu, atau mana-mana orang yang mempunyai kuasa seorang Pelindung di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], boleh menyebabkan kanak-kanak itu dibawa ke hadapan Mahkamah dan Mahkamah boleh melantik seorang penjaga sama ada bagi diri atau bagi harta kanak-kanak itu, atau kedua-duanya.”

Berdasarkan definisi wasiat dan *wisayah*, terdapat beberapa persamaan di antara keduanya iaitu الوصية dan الإيصاء memberi pengertian yang sama iaitu mengenai pelantikan wasi sewaktu hidup pewasiat bagi sesuatu pengamanahan selepas kematian diri pewasiat (Mustafa Al-Khin et al :2012). Selain itu, kedua-duanya merupakan instrumen perancangan harta pusaka yang dilaksanakan oleh pewasiat dengan sukarela. Keinginan pewasiat dizahirkan secara bertulis, lisan atau isyarat untuk *maslahah* benefisiari selepas kematian pewasiat. Hajat pewasiat boleh meliputi pesanan, cara pembahagian harta, pembayaran hutang piutang, pengurusan anak-anak di bawah umur atau orang kurang upaya (OKU), pengurusan nafkah, pelantikan pemegang amanah (*wasi*), melaksanakan wakaf dan kebajikan dan sebagainya (Mustafa Al-Khin et al. 2012; Mat Johan et al., 2018). Melalui semakan di atas laman sesawang ARB, hajat pewasiat tersebut juga boleh dilaksanakan melalui pelbagai jenis akaun amanah yang ditawarkan seperti akaun Amanah Institusi, Amanah Safecara, Amanah Kebajikan, Amanah Terus dan Amanah Standard Biasa (Pengurusan Amanah: Amanah Raya Berhad, 2020).

Al Azifah Mohd Safie (2010) menyatakan bahawa salah satu ciri utama wasiat adalah melantik wasi. Kedua-dua instrumen ini telah dipraktikkan dalam dokumen wasiat di ARB. Kajian tersebut mendapati, klausa-klausa yang terkandung dalam dokumen wasiat adalah menepati dua elemen yang telah dinyatakan seperti perbincangan mengenai konsep pelantikan wasi melibatkan wasiat dan *wisayah*:

1. Pelantikan wasi:

“Saya, dengan ini melantik Amanah Raya Berhad sebagai wasi dan Pemegang Amanah di bawah wasiat saya ini (selepas ini digelar wasi dan Pemegang Amanah saya)”. (perenggan keempat)

2. Subjek *wisayah* untuk diimplimentasikan selepas kematian pewasiat:

“Saya mengarahkan Wasi dan Pemegang Amanah saya untuk membayar semua hutang saya termasuk perbelanjaan-perbelanjaan berkaitan tuntutan syarak, perbelanjaan pengurusan jenazah dan pengkebumian, melunaskan hutang dengan hak Allah S.W.T, membayar zakat, upah haji (sekiranya saya meninggal dunia sebelum menunaikan haji) dan hutang sesama manusia, gadaian-gadaian berhubung dengan harta tak alih, sewa serta segala kos dan perbelanjaan berkaitan pentadbiran harta pusaka saya seawal mungkin setelah kematian saya.” (perenggan kelima)

Konsep pelantikan wasi juga dapat dilihat dengan jelas seperti kajian yang dijalankan oleh Muhamad Mu'izz et.al., (2020) terhadap pelaksanaan Amanah Takaful di ARB. Dapatan kajian tersebut menjelaskan bagaimana pelantikan wasi oleh pemegang polisi (*assignor*) sewaktu hayatnya melalui Borang Serah Hak (*Absolute Assignment*) bagi pihak benefisiari. Pindah milik manfaat takaful akan beroperasi selepas kematian pemegang polisi atau polisi takaful yang diambil telah mencapai tempoh matang. Wasi akan mentadbir harta amanah tersebut berdasarkan Surat Ikatan Amanah (SIA).

4.1.2 Pensyariatan Wasiat & Wisayah

Pelaksanaan kedua-dua instrumen ini adalah berlandaskan kepada pensyariatan seperti di dalam al-Quran, as-Sunnah, ijmak dan *aqli*. Di antaranya adalah seperti:

Dalil al-Quran:

“Dijadikan ke atas kamu, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajiban atas orang-orang yang bertaqwa.”

(al-Quran : al-Baqarah; 180)

Allah SWT memerintahkan individu yang memiliki harta untuk melaksanakan wasiat kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat terutama ketika sakit yang tidak akan sembuh. Ayat ini adalah satu peringatan secara umum kepada semua orang untuk melaksanakan wasiat kerana pelaksanaan wasiat adalah satu kebajikan selepas kematian pewasiat (Wahbah az-Zuhaily, 1997). Hukum ini juga adalah terpakai kepada *wisayah* sekiranya meninggalkan anak-anak yang di bawah umur. Justeru, pewasiat digalakkan untuk melantik penjaga yang selayaknya melalui wasiat untuk mentadbir dan menguruskan hartanya demi kebajikan anak-anak yang ditinggalkan.

Dalil as-Sunnah:

“Tidak halal bagi seorang Muslim bermalam selama tiga malam, padahal ia mempunyai sesuatu yang harus ia wasiatkan, kecuali wasiat tersebut tertulis di sisinya”.

(Sahih Muslim, Kitab: al-Wasiat, No. 1627)

Berdasarkan hadis di atas, Baginda SAW menggalakkan setiap individu untuk menulis wasiat. Bersandarkan kepada kata-kata Baginda SAW “*mempunyai sesuatu yang harus ia wasiatkan*” menunjukkan bahawa penulisan wasiat yang dilakukan dapat *menthabatkan* hak-hak si mati. Tidak semua perkara dapat dilaksanakan sewaktu hidup. Oleh itu wasiat menjadi salah satu mekanisme dalam menunaikan hajat si mati yang tertangguh (Faiz Hatim, 2019)

Dalil ijmak:

Pelaksanaan wasiat dan *wisayah* telah disepakati oleh para ulama (Wahbah az-Zuhaily, 2012). Pelaksanaan ini telah *dithabatkan* melalui beberapa *dilalah* samada di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Pelaksanaannya juga telah diamalkan sejak zaman Baginda SAW, para sahabat dan terus berkembang sehingga kini. Hal Ini kerana pensyariatannya adalah untuk menunaikan hak pewasiat dan menjaga kebajikan waris-waris yang ditinggalkan.

Dalil *aqli* dan *istisban* :

Secara logiknya setiap manusia memerlukan kehidupan yang terbaik untuk waris yang ditinggalkan selepas kematian dirinya, tidak mahu harta-harta yang dikumpul sekian lama dibazirkan begitu sahaja, dan berharap agar hajatnya sewaktu hidup untuk melaksanakan kebajikan dilaksanakan oleh waris-waris sebagai sahamnya di akhirat kelak. Memandangkan ilmu manusia adalah terhad, tidak mengetahui apa yang bakal berlaku pada masa akan datang, instrumen wasiat dan *wisayah* dapat membantu perancangan semasa hidup (Abdul Bari Awang et al: 2019).

Walaupun terdapat dalil-dalil lain yang berkaitan wasiat dan *wisayah*, namun terdapat sebahagian ayat tersebut hanya mengkhususkan kepada satu instrumen dan tidak mengkhususkan kepada instrumen yang lain. Sebagai contoh ayat *mawarith* berkenaan hukum *al-kalalah* di dalam al-Quran dan juga ijthad para sahabat seperti dalam kes *umariyyatain* hanya menyentuh hukum wasiat dan bukannya *wisayah*. Ini sebagaimana dijelaskan dalam hukum pelaksanaan wasiat pada peringkat awal Islam. Wasiat adalah wajib dilakukan dengan merujuk kepada surah al-Baqarah ayat 180. Namun hukumnya setelah itu *dimansuhkan* dengan ayat-ayat *mawarith*; ayat 11,12, dan 176 (Surah an-Nisa’). Para *fugaha’* sepakat mengatakan bahawa hukum wasiat adalah sunat dan akan berbeza mengikut keadaan (An-Nawawi: 2005). Pelaksanaan wasiat akan bertukar wajib sekiranya hak-hak Allah SWT seperti zakat, kaffarah, haji, nazar dan lain-lain tidak ditunaikan. Hukumnya juga adalah wajib sekiranya melibatkan hak-hak manusia seperti pembayaran hutang seperti pinjaman PTPTN atau perumahan atau kad kredit atau pembelian perabot secara ansuran, memiliki anak-anak bawah umur atau OKU, tiada wali atau penjaga selayaknya, perancangan nafkah anak-anak atau ahli keluarga dan amanah yang perlu ditunaikan. Manakala wasiat tersebut akan menjadi haram sekiranya subjek wasiat adalah untuk memutuskan silaturrahim atau menimbulkan keburukan kepada agama Islam.

4.1.3 Penulisan Wasiat Dan Kepentingan Dokumentasi

Syara’ mengharuskan pelaksanaan wasiat dan *wisayah* samada dilakukan secara bertulis, lisan dan isyarat bagi bagi orang yang bisu (Wahbah Az-Zuhaily, 2011). Ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim seperti hadis yang lalu (no. 1627) dan turut diperkuatkan dengan Seksyen 3(1) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 (No. 4/2005) yang menyatakan:

“*Sesuatu wasiat boleh dibuat secara lisan atau dengan tulisan dan, jika orang yang hendak membuat wasiat itu tidak dapat melakukan sedemikian, wasiatnya boleh dibuat dengan isyarat yang boleh difahami*”.


Walaupun pelaksanaan kedua-dua instrumen ini boleh dilakukan secara lisan dan isyarat yang difahami, akan tetapi pelaksanaan yang lebih baik adalah dilakukan secara bertulis dihadapan saksi dan didokumentasikan. Dalam seksyen 3(2) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005 (No. 4/2005) menyatakan:

“*Sesuatu wasiat secara lisan atau wasiat dengan isyarat hendaklah dibuat di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh diterima sebagai saksi menurut Hukum Syarak.*”.

Ini kerana wasiat melibatkan pindah milik harta dengan syarat-syarat tertentu kepada bukan ahli waris selepas kematian pewasiat. Sebarang pembuktian yang tidak mencukupi, akan menyebabkan proses pindah milik terganggu (Kasimah Kamaruddin & Md. Yazid Ahmad, 2012; Nasrul Hisyam, 2017). Sehubungan dengan itu, ARB mengambil langkah yang wajar sewaktu di awal permohonan wasiat. Setiap pewasiat diwajibkan melengkapkan borang permohonan penyediaan wasiat JPP004/D1 (S5/2013) dengan melampirkan semua dokumen sokongan berkaitan secara bercetak bagi tujuan dokumentasi.

Bagi pewasiat yang ingin melaksanakan *wisayah*, perkara yang sama juga perlu dilakukan iaitu dengan mengisi borang permohonan pembukaan akaun amanah JPP003/C1 (S3/2007). Dokumentasi bagi *wisayah* ini adalah penting bagi memudahkan wasi mentadbir harta amanah dengan sebaiknya. Sebagai contoh sekiranya pewasiat mewasiatkan wang simpanan miliknya bagi tujuan pendidikan dan nafkah benefisiari sehingga berumur 18 tahun, maka sebarang salah guna harta amanah dapat dikawal. Segala bukti bertulis beserta jumlah modal wang yang diamanahkan perlu dicatatkan bagi memudahkan pemantauan ke atas wasi dilakukan oleh institusi rasmi seperti mahkamah, Majlis Agama Islam, Suruhanjaya, atau syarikat pengamanahan yang berdaftar di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100) (Nasrul Hisyam, 2012).

Gambar Rajah 1 di bawah menerangkan secara umum dokumentasi dan prosedur kualiti kerja pembukaan akaun wasiat dan *wisayah* pada awal permohonan di ARB.



Rajah 1 Dokumentasi proses penulisan wasiat dan *wisayah*

Dokumentasi proses di atas adalah penting bermula dari awal penerimaan permohonan sehinggalah pewasiat bersetuju dengan penyediaan wasiat atau surat ikatan amanah. Kekurangan dokumentasi bertulis beserta dokumen sokongan akan menyebabkan masalah dikemudian hari. Oleh kerana itu, mana-mana institusi pengamanahan sewajarnya tidak mengejar keuntungan semata-mata melalui fi pembukaan akaun melainkan dipastikan segala dokumentasi adalah lengkap. Sebagai contoh, terdapat kes yang melibatkan pertikaian dikalangan waris disebabkan dokumentasi yang tidak sempurna seperti *kes Ibrahim bin Haji Abu Bakar lwn Mohd Sab bin Mohd Ali dan lain-lain (Jurnal Hukum, j.14, 2001)*. Plaintif telah menuntut sebidang lot tanah diserahkan kepadanya dengan mendakwa si mati telah mewasiat tanah tersebut diserahkan kepadanya sewaktu hidup. Disebabkan tiada dokumen hitam putih yang kukuh, maka mahkamah telah menolak dakwaan tersebut dan tidak menerima akuan bersumpah yang tidak ditanda tangani oleh si mati (Al Azifah Mohd Safie: 2010).

Perkara yang sama turut berlaku melibatkan *Zainal Abidin bin Tasir [kes Mal MT3-31-68-2004]* dan kes *Fatimah Sham binti Hashim v Saad bin Salleh. [Kes Mal Bil. 31/2000, Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar]*. Akibat daripada ketiadaan saksi yang sah, keabsahan wasiat telah dicabar dan menyukarkan Mahkamah Syariah untuk membuat keputusan. Kesannya, wasiat yang dilaksanakan tidak dapat disahkan dan tidak tertunai hajat pewasiat. Ini telah merugikan benefisiari yang dinamakan (Nor Adila Mohd Noor et al., 2018). Berdasarkan kepada beberapa fakta kes yang disebutkan, dokumentasi bukan sahaja menunaikan hasrat pewasiat semata-mata malah ianya menepati ajaran Islam sepenuhnya. Walaupun di era digital 4.0, dengan kewujudan wasiat online seperti diperkenalkan oleh ARB, Wasiyyah Shoppe Berhad dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), namun dokumentasi secara bertulis tetap merupakan bukti yang paling kukuh walaupun secara klasik seperti penggunaan kertas dan kayu, atau secara moden seperti penggunaan disket, cakera padat dan sebagainya. (Suhaizad Saifuddin, 2019).

4.1.4 Pembatalan Wasiat Dan Penamatan Wisayah

Kedua-dua instrumen ini merupakan akad yang tidak lazim dan tidak mengikat di antara pewasiat dan benefisiari. Ini bererti wasiat dan *wisayah* yang dilakukan boleh dipinda isi kandungan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian. Malah syarak juga mengharuskan wasiat dibatalkan dalam keadaan sihat ataupun sakit. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang disebutkan oleh Imam Al-Rafi'i (1997) bahawa setiap akad (yang dilaksanakan) tidak disertakan *al-qabul al-muktabar* maka pihak yang melaksanakan boleh menarik semula (membatalkan) transaksi. Kaedah ini bersandarkan kepada ungkapan Saidina Umar "seorang pewasiat boleh mengubah kandungan wasiat yang telah dilakukan sebagaimana beliau kehendaki" (Ibn Abi Syaibah, 2006). Berdasarkan praktikal di ARB, kandungan wasiat boleh diubah pada bila-bila masa walaupun berulang kali. Namun kodisil terakhir adalah terpakai dan membatalkan pengkodisilan terdahulu (Al Azifah Mohd Safie: 2010). Sebarang pindaan terhadap isi kandungan wasiat akan dipastikan bertepatan dengan syara' untuk mengelakkan sebarang masalah berlaku sewaktu pentadbiran harta pusaka dijalankan.

Di dalam kitab-kitab fiqh dinyatakan bahawa sesuatu wasiat boleh dibatalkan sama ada dengan ucapan nyata, membuat wasiat baharu, terdapat perbuatan yang menunjukkan *qarinah* dan *'urf* pewasiat menarik balik wasiatnya, harta diwasiatkan telah habis dibelanjakan, pindah milik kepada benefisiari yang lain atau pewasiat menjadi gila (Nurnazli, 2016). Perkara yang sama turut dinyatakan dalam Seksyen 12, Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (No. 4/1999) bahawa wasiat terbatal apabila pewasiat menjadi seorang yang tak sempurna akal dan mati dalam keadaan tersebut, benefisiari mati sebelum pewasiat, sesuatu yang ditentukan atau manfaat wasiat tersebut telah musnah sebelum kematian pewasiat. Merujuk kepada klausa pembatalan dokumen wasiat ARB, turut dinyatakan salah satu daripada sebab pembatalan di atas:

“Wasiat ini akan terbatal dan semua pemberian berwasiat di bawah wasiat ini hendaklah dilucutkan dan tiada harta akan dibahagi-bahagikan menurut wasiat ini jika mana-mana waris-waris saya meninggal dunia terlebih dahulu daripada saya dan dalam keadaan sedemikian wasiat baru hendaklah dibuat.” (perenggan 9)

Manakala penamatan *wisayah* juga tidak jauh bezanya dengan pembatalan wasiat. Pewasiat berhak untuk membatalkan pelantikan wasi yang telah dilantik dan seterusnya melantik wasi yang baharu. Ini kerana akad *wisayah* adalah akad *tabarru'* sama ada wasi yang dilantik dalam bentuk *wakalah* berupah atau tidak (Noor Lizza et al., 2019). Akad *wisayah* bukanlah kekal selama-selamanya sebaliknya hanya bersifat sementara. Penamatan *wisayah* boleh berlaku disebabkan kematian wasi, tempoh *wisayah* telah berakhir seperti kanak-kanak telah cukup umur atau sempurna *ar-rushd*, wasi menarik diri, wasi mengkhianati amanah, wasi lemah dan tidak berdaya melaksanakan amanah (Abdullah Muhammad, 2009). Malah dalam perkara ini, mahkamah juga mempunyai kuasa untuk membatalkan *wisayah* atas sebab tertentu seperti dinyatakan dalam Seksyen 94, Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984:

“Mahkamah boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa memecat seseorang penjaga, sama ada seorang ibu bapa atau orang lain dan sama ada dia adalah penjaga bagi diri atau harta kanak-kanak, dan boleh melantik seorang lain menjadi penjaga untuk menggantikannya.”

4.1.5 Hubungkait Dengan Undang-Undang Sivil

Malaysia mengamalkan dua undang-undang yang berbeza dalam pentadbiran harta pusaka iaitu Undang-Undang Sivil dan Undang-Undang Syariah. Pelaksanaannya telah dinyatakan secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai Perundangan, Senarai 1, Senarai Persekutuan, 4(e)(i) samada melibatkan harta pusaka yang tidak berwasiat atau harta pusaka yang berwasiat. Proses pentadbiran harta pusaka ini boleh dilakukan di Mahkamah Tinggi Sivil, Amanah Raya Berhad (ARB), Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG), dan Mahkamah Tinggi Syariah berdasarkan kepada bidang kuasa yang telah ditetapkan. Walaupun setiap institusi mempunyai bidang kuasa tersendiri, namun bidang kuasa Mahkamah Syariah masih di tahap yang rendah iaitu hanya bertindak untuk kesahan waris dan Perintah Faraid yang dipohon. Bidang kuasa Mahkamah Syariah juga adalah terhad walaupun pada tahun 1988 telah diperkenalkan perkara 121(A) dalam Perlembagaan Persekutuan yang memisahkan kedua-dua bidang kuasa. Sebagai contoh, kekeliruan mengenai bidang kuasa dapat dirujuk dalam kes *Jumaaton dan Raja Delila v. Raja Hizaruddin (1998) 6 MLJ 55*. Dalam kes ini, Mahkamah Syariah telah menolak untuk mentadbir berkaitan probet dan pentadbiran kerana di luar bidang kuasa. Sedangkan jika dirujuk dalam Seksyen 46(2) Akta 505, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) jelas memperuntukkan bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam hal perwarisan (Mohamad Naser, 2007). Tidak sekadar itu sahaja, enakmen wasiat yang digubal di beberapa negeri dilihat hanya bersifat substaintif sahaja dan terdapat beberapa keadaan tidak menyebelahi Undang-Undang Syariah (Mohd Noor et al., 2018).

Pelaksanaan *wisayah* dalam Islam juga tidak terkecuali daripada terkesan seperti mana wasiat. Ini kerana pelaksanaannya adalah ditadbir di bawah statut-statut amanah sivil (*trust*) seperti Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208) dan Akta Syarikat Amanah 1949 (Akta 100). Oleh kerana itu, apabila timbulnya sebarang isu berkaitan *wisayah* yang ditawarkan oleh mana-mana syarikat pengamanahan, maka forum yang selayaknya adalah bidang kuasa persekutuan. Manakala bagi tujuan pengesahan daripada hukum syarak, maka Mahkamah Syariah lebih berautoriti seperti mana

wasiat (Nasrul Hisyam, 2012). Di antara undang-undang amanah lain yang terpakai ke atas wasiat dan *wisayah* (amanah sivil) adalah seperti berikut:

1. Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952
2. Akta Perbadanan Amanah Raya 1955 (Akta 532)
3. Akta Syarikat Amanah Labuan (1990 (Akta 442)
4. Akta Pembahagian 1958 (Akta 300)
5. Akta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)
6. Akta Probate Dan Pentadbiran 1959 (Akta 97)
7. Akta Perwarisan (Peruntukan Keluarga) Akta 1971
8. Akta Wasiat 1959 (Akta 346)
9. Akta Insuran 1996
10. Akta Kanun Tanah Negara 1965

4.2 Perbezaan Antara Wasiat Dan Wisayah

Terdapat enam perbezaan utama yang dikenal pasti dalam kajian ini di antara wasiat dan *wisayah*. Pertama rukun dan syarat, kedua penjagaan kanak-kanak bawah umur, ketiga kadar harta 1/3, keempat wasiat kepada ahli waris, kelima akta dan enakmen pentadbiran hukum syarak dan keenam harta bercagar.

4.2.1 Rukun Dan Syarat

Walaupun perbahasan definisi dan konsep wasiat dan *wisayah* telah dibincangkan sebelum ini iaitu terdapatnya persamaan mengenai pelantikan wasi, namun wasi bukanlah satu rukun dan syarat sah bagi pelaksanaan wasiat tersebut.

Rukun dan Syarat sah wasiat:

- i. pewasiat (*al-musi*),
- ii. penerima wasiat (*al-musa labu*),
- iii. harta yang diwasiatkan (*al-musa bibi*)
- iv. sighthah (ijab dan qabul).

Rukun dan syarat sah *wisayah*:

- i. pewasiat (*al-musi*)
- ii. pemegang amanah (*wasi*)
- iii. objek pengamanahan (*musa 'alaih*)
- iv. sighthah (ijab dan qabul)

Daripada kedua-dua rukun dan syarat sah ini, *wisayah* meletakkan pemegang amanah (*wasi*) sebagai syarat utama berbanding wasiat (Al-Bakri, 1997). Selain itu, *fuqaha'* tidak meletakkan penerima wasiat adalah syarat utama terhadap *wisayah* melainkan hanya dinyatakan ciri-ciri seseorang penerima wasiat terutama faktor ketidaksempurnaan *al-abliyyah* mereka (Abdullah

Muhammad, 2005). Ciri-ciri penerima wasiat yang dinyatakan adalah seperti orang gila, kanak-kanak yang belum cukup umur dan tidak mencapai umur baligh, tidak mumayyiz, orang kurang upaya (OKU) dari segi mental atau fizikal. Turut termasuk dalam kategori *al-qasir* adalah kanak-kanak yang berumur bawah 18 tahun seperti yang dijelaskan oleh Akta Kanak-Kanak 2001 kerana mereka masih di bawah tanggung jawab penjaga. Berbanding instrumen wasiat, penerima wasiat dibahaskan dengan lebih terperinci dalam kitab-kitab fiqh.

Kategori wasi dalam instrumen *wisayah* dibahagikan kepada tiga iaitu wasi khilafah, wasi pilihan, dan wasi hakim. Ketiga-tiganya mempunyai wilayah tersendiri dan kadar *tasarruf* yang dibenarkan syarak seperti melaburkan harta amanah, pengurusan nafkah, hukum *tabarru'* dan jual beli, pelantikan wasi gantian sehinggakan kelayakan wasi untuk mengahwinkan benefisiari. Manakala, syarat wasi yang ditetapkan adalah beragama islam, berakal, adil, lelaki, tidak ada persengketaan di antara *musi* dan wasi (Mustafa Al-Khin et al : 2012). Namun demikian, pelantikan wasi juga boleh daripada kalangan wanita berdalilkan kepada tindakan Saidina Umar yang melantik anaknya Hafsa r.a bagi menguruskan wasiatnya (Abu Daud, t.t.). Dalam seksyen 81(1), Akta 303, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 turut menyebutkan:

“ibu adalah yang paling berhak dari segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan.”
Seterusnya dalam seksyen 91(1) diperincikan lagi *“Seseorang ibu, sama ada seorang Islam atau seorang Kitabiyah, boleh dilantik dengan sah menjadi wasi bagi bapa, dan dalam hal yang demikian ibu itu boleh menjalankan kuasanya sebagai penjaga melalui wasiat...”*.

Selain dari seksyen 81(1) dan seksyen 91(1) dinyatakan di atas, turut menjelaskan lantikan wasi adalah seksyen 102 dalam akta yang sama (rujuk perkara definisi dan konsep). Seksyen 102 ini menerangkan fungsi Mahkamah Syariah dalam melantik wasi yang bertanggung jawab selaras dengan Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] terutama ketika bapa dan datuk tidak menamakan mana-mana penjaga sebelum kematian mereka. Sekiranya ibu adalah orang yang paling berhak, maka pada ketika itu Mahkamah mempunyai pertimbangan untuk melantik si ibu sebagai penjaga.

4.2.2 Penjagaan Kanak-Kanak Bawah Umur

Konsep asal wasiat adalah mengenai siapakah waris-waris yang berhak untuk mendapat harta wasiat. Manakala *wisayah* adalah mengenai siapakan wasi yang akan menguruskan harta amanah. Secara amnya, terdapat pelbagai item boleh ditadbir oleh wasi dalam instrumen wasiat dan *wisayah* selepas kematian pewasiat. Contohnya pengurusan anak bawah umur, pemulangan barang pinjaman, pengurusan wasiat, harta sepencarian, hibah, wakaf, nazar, hutang, KWSP dan lain-lain (Naziree Md Yusof, 2008). Melihat kepada benefisiari kedua-dua instrumen ini, ianya boleh terdiri daripada individu, institusi, pusat keagamaan, masjid, dan sekolah. Namun konsep *wisayah* adalah lebih tertumpu kepada pengurusan anak di bawah umur selepas kematian pewasiat (Mustafa Al-Khin et al, 2012).

Pengkhususan ini turut disebutkan dalam Qanun Al-Ahwal Al-Syaksiah di beberapa negara arab seperti negara Yaman (No.36) dan Iraq (No.75): *“wasi adalah individu yang dilantik menguruskan urusan kanak-kanak di bawah umur selepas kematian musi yang merangkumi urusan hutang, penjagaan anak bawah umur dan harta mereka”* (Abdullah Muhammad, 2005). Klausa yang memberi makna yang sama turut diperincikan dalam Qanun Ahkam Al-Wilayah ‘Ala Al-Mal di Mesir (No. 119/1952): *“sebagai wasiat dengan melantik wasi yang bertanggung jawab ke atas hal ehwal anak-anak di bawah umur selepas kematian pewasiat (pemberi amanah).* Beberapa kajian terdahulu yang dijalankan seperti Badruddin Hj Ibrahim (2006) turut menyatakan bahawa *wisayah* adalah lebih tertumpu kepada pengurusan harta dan perlindungan kepada kanak-kanak bawah umur termasuk anak yatim dan

orang kurang upaya selepas kewafatan penjaga. Oleh kerana itu, sekiranya pewasiat menginginkan wasi menguruskan hal ehwal anaknya di bawah umur, maka penderafan wasiat ARB adalah seperti berikut :

“saya juga mengarahkan wasi dan pemegang Amanah saya untuk memegang dan mengurus secara jujur dan amanah, dengan sebaik mungkin, mengikut kebijaksanaan serta budi bicara Wasi dan Pemegang Amanah saya segala harta yang menjadi hak kepada waris-waris saya yang masih di bawah umur, sekiranya ada, bagi faedah **waris-waris bawah umur** tersebut sehingga mereka mencapai umur dewasa atau umur yang difikirkan layak untuk menguruskan harta benefisiari”

4.2.3 Kadar Harta 1/3

Pelaksanaan wasiat kepada bukan ahli waris seperti anak angkat dan bukan Islam adalah terhad kepada 1/3 sahaja daripada jumlah harta si mati. Imam al-Bukhari dalam satu riwayat menyebutkan bahawa Baginda telah menasihati Saad bin Abi Waqas yang ingin mewasiatkan keseluruhan hartanya kepada anak perempuannya:

“Ya, sepertiganya dan sepertiga itu sudah banyak. Sesungguhnya jika kamu meninggalkan ahli warismu dalam keadaan kaya itu lebih baik daripada kamu meninggalkan mereka dalam keadaan miskin lalu mengemis kepada manusia dengan menengadahkan tangan mereka.” (Al-Bukhari, 2001).

Penetapan kadar wasiat 1/3 adalah penting untuk menjaga masalah waris-waris yang ditinggalkan kerana mereka berhak kepada baki harta 2/3 tersebut secara hukum faraid. Namun begitu, pemberian yang melebihi kadar 1/3 adalah dibenarkan sekiranya mendapat persetujuan waris. Limitasi kadar 1/3 ini terdapat dalam seksyen 26(1) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (No.4, tahun 1999) *“Jika sesuatu wasiat dibuat kepada seseorang yang **bukan waris** atas kadar yang tidak melebihi satu pertiga daripada harta pusaka pewasiat selepas diselesaikan segala hutangnya, wasiat tersebut hendaklah berkuat kuasa tanpa perlu mendapat apa-apa persetujuan waris-warisnya.”*

Namun begitu, pelaksanaan harta amanah melibatkan *wisayah* tidak terhad kepada 1/3 sahaja untuk diwasiatkan kepada wasi bagi tujuan pengamanahan. Bahkan, pewasiat boleh mewasiatkan semua hartanya untuk ditadbir berdasarkan kemahuannya untuk manfaat benefisiari. Sebagai contoh pewasiat boleh mewasiatkan dengan katanya “saya melantik awak untuk mentadbir semua harta saya selepas kematian saya” (Al-Khatib Asy-Syarbini, 1994). Disamping itu, pewasiat juga dibenarkan untuk melantik tiga orang wasi dalam satu masa dan memperuntukkan setiap seorang dengan kadar 1/3 daripada hartanya. Sebagaimana yang telah disebutkan telah lalu, *wisayah* bukanlah persoalan siapakah yang berhak mewarisi harta pusaka berdasarkan kadar tertentu. Akan tetapi fokus pelaksanaan *wisayah* adalah mengenai siapakah perlantikan wasi.

4.2.4 Wasiat Kepada Ahli Waris

Menurut jumhur fuqaha’, wasiat tidak boleh diserahkan kepada ahli waris melainkan mendapat persetujuan daripada kalangan waris. Ini berbeza dengan Mazhab Daud As-Zahiri yang tidak membenarkan sama sekali pemberian wasiat kepada ahli waris. Jumhur fuqaha’ bersandarkan kepada hadis Nabi SAW *“Sesungguhnya Allah SWT telah memberikan kepada setiap individu hak selayaknya, oleh itu tidak harus wasiat kepada ahli waris”* (Abu Daud, t.t.). Justeru, Seksyen 26(1) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (No.4, tahun 1999) dilihat adalah bertepatan dengan padangan jumhur:

*“Sesuatu wasiat yang dibuat kepada **seseorang waris** atas kadar yang melebihi satu pertiga, hendaklah tidak berkuat kuasa sehingga diberi persetujuan oleh waris-warisnya selepas kematian pewasiat.”*

Terdapat pewasiat yang mewasiatkan hartanya secara sama rata kepada waris-warisnya untuk mengelakkan pertelingkahan selepas kematiannya. Fatimah Karim (2019) menyatakan bahawa, keizinan dalam kalangan ahli waris tetap diperlukan. Ini bertujuan untuk menjaga keadilan kepada waris-waris faraid yang berhak. Keadilan bukan bererti sama rata dalam pembahagian harta, sebaliknya keadilan perlu dinilai daripada pelbagai faktor seperti usia, kesihatan, pendidikan, ekonomi keluarga dan pemilikan aset seperti rumah kediaman. Oleh kerana itu, wasiat kepada ahli waris secara sama rata atas nama keadilan perlu kepada penilaian *maslahah* yang setepatnya (Abdul Bari & Amilah Awang, 2014).

Namun, wasiat kepada ahli waris seperti datuk dan isteri dalam pelaksanaan *wisayah* tidak menjadi masalah. Ini kerana harta yang diwasiatkan bukanlah menjadi hak milik wasi, sebaliknya adalah untuk manfaat beneficiaries. Namun, penulis berpandangan sekiranya seorang pewasiat berkata “semua harta aku ini, kamu bahagikan secara sama rata kepada anak-anak aku selepas kematian aku” perkara ini memerlukan kepada penilaian semula. Ini kerana, konsep *wisayah* juga menepati konsep wasiat dalam pemberian atau pengamanahan sesuatu harta. Justeru, wasi yang diamanahkan untuk melaksanakan pembahagian harta secara ini adalah tertakluk kepada hukum wasiat dan enakmen berkaitan.

4.2.5 Akta & Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak

Kedua-dua instrumen wasiat dan *wisayah* adalah dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan: Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri yang melibatkan harta wakaf, harta pusaka berwasiat dan tidak berwasiat, harta sepencarian, hadhanah, hibah, amanah khairat, zakat dan baitulmal. Oleh kerana itu Badan Perundangan Negeri mempunyai bidang kuasa untuk membuat rang undang-undang tersendiri termasuk dalam perkara yang melibatkan hal ehwal orang islam pada Bahagian VI “Perhubungan Antara Persekutuan Dengan Negeri-Negeri” di bawah Perkara 73 hingga 76 Perlembagaan Persekutuan. Bagi instrumen wasiat, sehingga kini terdapat terdapat beberapa buah negeri yang mempunyai enakmen wasiat tersendiri iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (No.4, tahun 1999) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No.5, tahun 2004), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005, Enakmen Wasiat Orang Islam (Kelantan) 2009, dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018 No.8 Tahun 2018. Manakala negeri-negeri yang lain sebarang penghakiman adalah mengikut kepada negeri-negeri yang telah dinyatakan ini. Terdapat juga rang undang-undang Wasiat Orang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2001 yang telah dirangka oleh Wilayah Persekutuan. Namun, sehingga kini masih tidak diluluskan di parlimen. (Mohd Noor et al., 2018)

Manakala *wisayah* secara umumnya tidak terdapat sebarang akta atau enakmen khas seperti wasiat. Namun begitu pelaksanaannya dibincangkan secara umum dalam bahagian penjaga diri dan harta yang dinyatakan sama ada dalam Akta, Ordinan dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam seperti berikut (Badrudin Hj Ibrahim, 2006):

1. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perlis) 2006
2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008
3. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 2004
4. Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004
5. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. *Pindaan Terkini - Sel. En. 13/2003*
6. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003

7. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002
8. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003
9. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kelantan) 2002
10. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu)
11. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pahang) 2005
12. Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 pindaan terkini - P.U.(A)247/2002
13. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Sabah) 2004
14. Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak) 2001

4.2.6 Harta Bercagar

Realiti dalam pemilikan hartanah ketika ini, aset yang dibeli bukanlah dalam keadaan tunai kerana tingginya nilai hartanah dipasaran terutama di kawasan bandar. Ini menjadi salah satu faktor utama terhadap kerumitan dalam perancangan harta pusaka sedangkan tuntutan terhadap produk perwarisan harta bercagar merupakan satu *dharuriyyat* pada masa kini. Ini berlaku kerana tiada pemilikan sempurna (*milk al-tam*) yang membolehkan pemilik hartanah untuk melakukan sebarang transaksi pindah milik kerana masih dalam cagaran pihak peminjam seperti institusi perbankan atau koperasi. Di antara syarat sah wasiat yang ingin dilaksanakan mestilah menjadi pemilikan sempurna kepada pewasiat, harta yang boleh dimiliki, dan harta tersebut ditentukan di dalam akad. Ini bererti adalah tidak sah untuk mewasiatkan harta yang menjadi milik orang lain. Perkara yang sama turut dinyatakan dalam seksyen 9 Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) (No. 4/1999). Melihat kepada syarat-syarat ini, wasiat bukanlah suatu instrumen perancangan harta pusaka yang efektif bagi harta bercagar pada ketika ini (Nasrul Hisyam, 2011).

Sebagai solusi bagi perancangan harta bercagar, fuqaha' mengharuskan instrumen hibah dengan bersandarkan kepada pandangan Mazhab Maliki dan Hanafi dengan syarat persetujuan perlulah diperolehi daripada peminjam. Pandangan ini juga mengharuskan keizinan pindah milik diperolehi daripada peminjam selepas akad ijab dan qabul. Ini secara jelas disebutkan di dalam perkara 857 *Majallah al-Abkam al-'Adliyah*:

“Barang yang dibibahkan mestilah terdiri daripada harta penghibah tersebut. Oleh itu, jika seseorang menghibahkan harta orang lain tanpa izinnya, hibah ini tidak sah. (Tetapi) sekiranya selepas pemberian hibah dibuat, pemilik harta itu membenarkan pemberian tersebut, maka hibah itu menjadi sah kerana kebenaran yang dilakukan kemudian itu sama (kedudukannya) dengan perwakilan yang dibuat sebelum daripada (hibah) itu”

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, institusi-institusi peramanahan seperti ARB, As-Salihin Trustee, Wasiyyah Shoppe Berhad dan MyAngkasa Amanah Berhad telah melaksanakan produk “hibah amanah” melibatkan harta bercagar dengan syarat yang ketat seperti diwajibkan pemilikan *Mortgage Reducing Term Assurance* (MRTA) atau *Mortgage Reducing Term Takaful* (MRTT) (Nasrul Hisyam, 2012). Kajian ini melihat bahawa instrumen hibah amanah yang diaplikasikan ini adalah berteraskan kepada konsep *wisayah* yang tertakhluk kepada peramanahan berdasarkan undang-undang sivil. Sebagai contoh, produk Deklarasi Hibah ARB yang dipraktikkan pada masa kini adalah melibatkan harta bercagar yang menggabungkan instrumen hibah dan amanah. Dengan kata lain, pewasiat boleh melantik benefisiari yang dikehendaki melalui surat ikatan amanah untuk harta bercagar. Harta bercagar (harta amanah) akan dipindah milik kepada pemegang amanah

sewaktu hidup dan akan ditadbir menggunakan konsep amanah mengikut terma dipersetujui untuk diserahkan kepada benefisiari (Akmal Hidayah & Tajul Aris, 2017). Instrumen *wisayah* boleh menjadi alternatif kepada perancangan harta bercagar untuk manfaat benefisiari dihajati kerana pelaksanaan amanah menurut undang-undang sivil adalah tidak termasuk dalam pentadbiran harta pusaka.

Namun demikian, instrumen *wisayah* juga terdapat beberapa halangan pada ketika ini terutamanya untuk mendapat kepercayaan dan persetujuan daripada pihak peminjam. Sekiranya keizinan diperolehi, pengesahan hibah tersebut perlu dilakukan di Mahkamah Syariah. Seperti dimaklumi bahawa keputusan hakim adalah bergantung kepada ijtihadnya pada ketika itu dan keputusannya tidak terikat dengan hakim yang lain. Pengamalan ini sama sekali berbeza dengan mahkamah sivil yang bersandarkan kepada *judicial president* (Rositah Kambol, 2019).

5.0 KESIMPULAN

Instrumen wasiat dan *wisayah* kedua-duanya mempunyai kelebihan tersendiri dalam perancangan harta pusaka. Persamaan dan perbezaan yang wujud dalam dapatan kajian ini bukanlah bermaksud untuk menunjukkan kelemahan sistem muamalah Islam sedia ada. Sebaliknya, hasil dapatan kajian dalam artikel ini memberi pencerahan kepada masyarakat untuk memanfaatkan kedua-dua instrumen yang dibincangkan. Keunikan konsep perancangan harta pusaka di dalam Islam adalah bersifat fleksibel. Ianya mempunyai garis panduan yang jelas. Namun begitu pelaksanaannya tidaklah terlalu rigid sehingga menafikan sebarang ijtihad dikalangan fuqaha dari semasa ke semasa. Ini kerana, syariah itu adalah kehidupan dan manusia hidup bersamanya.

Instrumen wasiat dan *wisayah* adalah saling melengkapi di antara satu sama lain. Kefahaman yang jelas terhadap konsep pelaksanaan dan hukum-hakamnya akan memudahkan urusan benefisiari selepas kematian pewasiat. Disamping itu, instrumen perancangan harta yang lain seperti hibah, faraid, wakaf, takaful, sedekah dan lain-lain juga tidak boleh diabaikan. Ini kerana semuanya adalah instrumen yang membantu masyarakat muslim merancang kehidupan yang sejahtera.

RUJUKAN

- Abdullah Muhammad Rababi'ah. (2005). *Al-Wisayah Fi Al-Fiqh Al-Islami Wa Qanun Al-Ahwal Al-Syaksiah Al-Urduni: Dirasah Muqaranah. Risalah Ad-Dukturah, Fi Al-Fiqh Wa Usull Al-Fiqh, Kulliyah Ad-Dirasat Al-'Ulya, Al-Jami'ah Al-Urduniyah*, 122.
- Abdullah Muhammad Rababi'ah. (2009). *Ahkam Intiha' Al-Wisayahfi Al-Fiqh Al-Islami Dirasah Muqaranah Bi Qawanin Al-Ahwal Al-Syaksiah Al-Arabiah, Dirasat Ulum Asy-Syariah Wa Al-Qanun*, 2(36), 553
- Al Azifah Mohd Safie. (2010). *Penderafan Dokumen Wasiat Islam Di Amanah Raya Berhad: Analisis Menurut Perspektif Islam. UM*.
- Abu Daud, Sulaiman Bin Al-'Asy'ath As-Sajistani. (t.t), *Al-Maktabah Al-Asriah*, 3, 117.
- Amanah Raya Berhad, "Tuntutan Harta Tidak Dituntut", <https://www.Amanahraya.My/Claim-Pending-Fund/> (Dicapai Pada 26 April 2020)
- Amrullah, & Wan Noraini. (2018). Administration of Estates in Malaysia: Determinant of Factors Behind the Delay in the Distribution of the Deceased'S Asset. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 3(1), 75

- An-Nawawi, Muhyiddin Yahya Bin Syaraf. (1991). Raudhah At-Thalibin Wa Umdah Muftiyyin, *Al-Maktab Al-Islami*, Cet. 3, 6, 311
- An-Nawawi, Muhyiddin Yahya Bin Syaraf. (2005). *Minhaj At-Talibin Wa 'Umdat Al-Muftin Fi Al-Fiqh*. Dar Al-Fikr. Cetakan Ke-1.
- Al-Bakri, Abu Bakar Bin Muhammad. (1997), I'nah At-Thalibin 'Ala Hilli Alfaz Fath Al-Mu'in, *Dar Al-Fikr*, 3, 255.
- Al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail. (2001). Sahih al-Bukhari. *Dar Tuq An-Najah*, 7, 62.
- Al-Fayumi, Ahmad Bin Muhammad. (t.t). Al-Misbah Almunir Fi Gharib Al-Syarh Al-Kabir, *Al-Maktabah Al-Ilmiyah*, 2, 662.
- Al-Khatib Asy-Syarbini, Muhammad Bin Ahmad. (1994). Mugni Al-Muhtaj Fi Makrifati Alfaz Al-Minhaj, *Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah*, 4, 121
- Al-Rafi'i, 'Abd Al-Karim Bin Muhammad. (1997). Al-'Aziz Syarh Al-Wajiz. *Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah*, Cetk. 1, 7, 257
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. (2019). *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Persektif Penyelidikan Pengajian Islam. Fakulti Pengajian Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 71.
- Asjad Mohamed, & Jasni Sulong. (2016). Perubahan Bentuk Amalan Wasiat Masyarakat Melayu : Kesan Kedatangan Islam. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 9(2), 195–222.
- Abdul Bari Awang, & Amilah Awang Abd Rahman. (2014). Are Parents Free To Bestow Their Wealth Onto Their Children? a Juristic Discourse on Equality and Justice in Hibah. *Jurnal Syariah*, 22(3), 407–426.
- Abdul Bari Awang, Amilah Awang, Hasan Sulaiman, Ahmad Akram, & Faiz Hatim. (2019). The Objectives of Shariah in Will: A Case Study of As-Salihin Trustee Company. *International Journal Of Fiqh And Usul Al-Fiqh Studies (Ijfus)*, 3(1), 29–40.
- Akmal Hidayah, & Tajul Aris. (2017). Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam Di Malaysia. *KANUN*, *julai*(2), 90–115.
- Akmal Hidayah, Tajul Aris, Wan Noraini, & Rahmawati. (2019). The Administration Of Muslim ' S And Non - Muslim ' S Ownerless Estate (Bona Vacantia) In West Malaysia : An Analysis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(16), 26–34.
- Ayu Nor Azilah, Mohamed Ali Haniffa, & Wayu Nor Asikin Mohamad. (2019). Perlembagaan Persekutuan Malaysia Mengharmonikan Ikatan Masyarakat Majmuk Di Malaysia. *Journal Of Mumafaqat*, 2(1), 60–74.
- Badrudin Hj Ibrahim. *The Concept Of Al-Wisayah With Special Reference To The Administration Of A Minor's Property Under Islamic Law And The Enacted Islamic Law In Malaysia*. (A Thesis Of Doctor Of Philosophy, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2006)
- Bouteraa, M. (2019). Conceptual Study: Barriers Of Islamic Estate Planning. *Ibmrd's Journal Of Management & Research*, 8(1), 28–34.
- Faiz Hatim Bin Hanafi. (2019). *Kitabah Al-Wasiat Fi Al-Fiqh Al-Islami Wa Thatbiqatiba Fi Syarikah As-Salihin Trustee: Dirasat Taqwimiyyah Maqasidiyyah*, Tesis Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

- Fatimah Binti Karim. (2019). *Al-Wasiyah Li Al-Warith: Dirasah Fiqhiyyah Tablilyyah*. Tesis Ph.D. Universti Islam Antarabangsa Malaysia. 163-168.
- Hasbulah, M. H., & Daud, M. Z. (2015). Perancangan Pembahagian Harta Semasa Hidup Dalam Islam: Konsep Dan Kepentingannya. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(1), 119–131.
- Kamarudin, N. S., Hashim, A. J. M., Jamil, N. N., & Hadi, N. A. (2019). The Conceptual Framework Of The Intention On Islamic Estate Planning Practice Among Muslim Entrepreneurs. *Journal Of Islamic, Social, Economics And Development (Jised)*, 4(20), 69–76.
- Ibn Abi Syaibah, Abu Bakar Abdullah Bin Muhammad. (2006). *Mushonaf Ibn Abi Syaibah*. Cet. 1, 16, 160.
- Ibn Al-Hamam, Kamaluddin Muhammad Bin Abd Wahid, (t.t), *Fath al-Qadir*, Dar Al-Fikr, 10, 411.
- Kasimah Kamaruddin, & Md. Yazid Ahmad. (2012). Analysis Of The Understanding Of Muslim Will Writing In Melacca. *Islamiyyat*, 34(0), 71–82.
- Luqman Hj Abdullah, Rushdi Ramli, & Nor Fahimah Mohd Razif. (2016). *Maqasid Al-Shar I' Ah : Aplikasi Dalam Aspek Muamalat Dan Kebartaan*.
- Mat Johan, A. L., Mohsin, A., Zakaria, S. R. A., Abdul Rahman, M. S., Zainudin, A. Z., Md Yunus, N., Mohammad, M. T. S. (2018). Strategi Pelaksanaan Wasiat Yang Efektif Di Malaysia. *Journal Of Islamic, Social, Economics And Development*, 3(8), 50–58.
- Mohd Noor, N. A., Ismail, C. Z., Mohd Noor, N. A., & Mahamood, S. M. (2018). Harta Wasiat Orang Islam: Satu Ulasan Ringkas Dari Perspektif Perundangan Di Malaysia. *E-Academia Journal*, (Special Issue Temic), 39–46.
- Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang, & Nasrul Hisyam Nor Muhammad. (2020). Wiṣāyah Dan Amanah - Analisis Perbandingan Undang-Undang Syariah Dan Sivil Dalam Perancangan Harta Pusaka. *Jurnal Syariah*, 2(28), 157–188.
- Muhamad Mu'izz, Mohamad Fadzil, & Muhaimin. (2020). Pelaksanaan Amanah Takaful Di Malaysia: Analisis Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Journal Of Islamic, Social, Economics And Development (Jised)*, 5(30), 1–12.
- Muhammad Mui'zz Abdullah, Naimah Mohamad Nasir, Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Muhammad Ridhwan Ab. Aziz, Abdul Bari Awang, & Mek Wok Mahmud. (2020). A Literature Review On Islamic Estate Planning From Year 2014 To 2019. *Library Philosophy And Practice (e-Journal)*, 1–29.
- Muhammad Nabeel Alia, Mohd Musa Bin Sarip, & Fakhri Bin Sungit. (2016). Wasiat Dan Prosedur Pengurusan Di Majlis Agama Islam Selangor. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, (22-23 November), 87–99.
- Mohamad Naser B Disa. (2007). *Penyelarasan Undang-Undang Pewarisan: Isu-Isu Penyelesaiannya*. Konvensyen Perwarisan Harta Islam. Amanah Raya Berhad. 55-57.
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Ali Asy-Asyarbaji. (2012). *Al-Fiqh Al-Manhaji*. Dar Al-Qalam. Cetakan Ke-12.
- Muslim bin Hajjaj al-Qusyairi. (1988). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Cet. 1. 3, 249.
- MyMetro, (12 Januari 2020). MyMetro "RM70 Billion tergantung". <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/01/534382/harta-rm70-bilion-tergantung> dicapai pada 9 Mei 2020.

- Nasr, W. M. Ali. (2015). Maqasid Al Shariah In Wealth Management. *Journal Of Wealth Management & Financial Planning (Jwmfp)*, 2(June), 17–31.
- Nasrul Hisyam. (2011). Penyelesaian Pindah Milik Harta Bercagar Di Institusi Kewangan: Dari Perspektif Undang- Undang Islam. *Kanun*, 2, 180–208.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. (2012). *Wasiat & Wisayah Dalam Perancangan Harta: Prinsip Dan Amalan*, UTM Press.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2017). Wasiat Sebagai Instrumen Perancangan Harta Islam: Prosedur Dan Pelaksanaan. *Jurnal Hadhari*, 9(1), 17–32.
- Naziree Md Yusof. (2008). Hukum Wisoyah & Realiti Permasalahannya Dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam. *Jurnal Muamalat*, 1, 73–102.
- Nik Rahim et al. (2018). Harta Tidak Dituntut : Punca Dan Kaedah Penyelesaiannya. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(June), 129–142.
- Nor Adila Mohd Noor, Che Zuina Ismail, Nor Azlina Mohd Noor, & Siti Mashitoh Mahamood. (2018). Harta Wasiat Orang Islam: Satu Ulasan Ringkas Dari Perspektif Perundangan Di Malaysia. *E-Academia Journal , Special Issue TeMIC*, 39–46.
- Norazlina Abd Wahab, Suraiya Hashim, & Nur Amalina Abd Ghani. (2019). What Influence Muslims To Make Wills?: Insights Into Its Determinants. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 16(1), 37–52.
- Noor Lizza, M. S., Wan Amirul Adli, W. Ayub, Mohd Zamro Muda, Adnan Mohamed Yusoff, & Kashim, M. Izhar Ariff M. (2019). Pengamanahan Dalam Perancangan Dan Pengurusan Harta Orang Islam. *Islamiyyat*, 41(2), 71–79.
- Nurnazli. (2016). Konstruksi Hukum Islam Tentang Pembatalan Dan Pencabutan Wasiat. *Ijtima'yya*, 9(2), 77–96.
- Pengurusan Amanah: Amanah Raya Berhad. (2020). <https://www.amanahraya.my/ms/pengurusan-amanah/> (Dicapai Pada 5 Oktober 2020)
- Rahman, M. F. A., Ngah, K., Mustaffa, J., Mutalib, R. A., & Hamzah, M. H. (2016). Kelewatan Dalam Pembahagian Harta Pusaka. *Journal Of Global Business And Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(3), 180–187.
- Rositah Kambol. (2019). Pengurusan Harta Orang Islam Melalui Hibah: Isu Dan Penyelesaian. *Journal Of Law & Governance*, 2(1), 99–113.
- Siti Noor Farahin, & Muhammad Adib Samsudin. (2017). Comparison between will and gift as an estate planning instruments in Islam. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 8(5), 35–43.
- Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom, & Mohd. Munzil Muhamad. (2019). Kaedah Pembuktian Dalam Undang- Undang Keterangan Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Sivil Di Malaysia: Suatu Kajian Perbandingan. *Kanun*, 31(1), 34.
- Sayyid Sabiq (1977), *Fiqh As-Sunnah*, Dar Al-Kutub Al-Arabi, Cetakan Ke-3, Jzk 3, Hlm. 583.
- Wahbah Az-Zuhaily, (2012). *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*, Dar Al-Fikr, Cet. 3, 8, 126.
- Wahbah Az-Zuhaily, (2011). *Al-Mu'tamad Fi Al-Fiqh Asy-Syafie*, Dar Al-Qalam, Cet. 3, 4, 553-554.
- Wahbah Az-Zuhaily, (1997). *At-Tafsir Al-Munir*, Dar Al-Fikr, Cet. 2, 2, 119.

- Talib, H. Binti, Othman, N. Binti, Ibrahim, S. Z. Binti, Nasirudin, N. Binti D. @ M., Hamid, N. Binti A., & Ridzuan, A. F. Bin M. (2016). Maqāṣid Al - Shārī'ah Dalam Pelaksanaan Wasiat. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(1), 1–12.
- Zakiyuddin Sya'ban & Ahmad Al-Ghundur. (1984). *Abkam Al-Wasiyah Wa Al-Mirath Wa Al-Waqf Fi Al-Syariah Al-Islamiyyah*. Maktabah Al-Falah. 10-12.